

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU - PAS]**

**SOALAN NO. 460**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah peningkatan mutu bola sepak negara selepas Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara dilancarkan sejak tahun 2016.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak dilancarkan pada April 2014, Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) sehingga kini mempunyai seramai 23,525 pelatih-pelatih di seluruh negara dalam peringkat umur 7 hingga 17 tahun. Buat pertama kali dalam sejarah bola sepak negara, kita mempunyai piramid pembangunan yang lengkap bagi menyalurkan antara 1,000 ke 1,500 pemain setiap tahun yang berpotensi mengikat kontrak dengan kelab-kelab profesional dalam dan luar negara.
2. PPBN kini mempunyai lebih 1,000 orang jurulatih sepenuh dan separuh masa di seluruh negara dan menjalankan sirkit-sirkit Liga Remaja di setiap peringkat umur bermula dari 7 hingga 17 tahun. Dengan adanya pertandingan sepanjang tahun, maka pengenalpastian bakat dapat dijalankan dengan teratur bagi mengenalpasti bakat-bakat remaja terbaik negara untuk ditawarkan sebagai pelatih elit di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD) Gambang, Pahang.
3. Pelatih-pelatih elit AMD pula diberi pendedahan latihan dan pertandingan di luar negara setiap tahun bagi meningkatkan prestasi dan keyakinan mereka apabila bersaing dengan yang pemain-pemain terbaik dunia. Dalam masa yang sama, pelatih-pelatih elit ini akan sentiasa berada dalam radar akademi-akademi utama dunia setiap tahun.

15

**SULIT**

4. Sehingga kini, seramai 15 orang pelatih AMD berumur 14 dan 15 tahun telah mendapat tawaran dari kelab-kelab seperti Benfica, West Ham United, Lyon, Feyenoord, AZ Alkmaar, Tottenham Hotspur dan beberapa kelab-kelab Liga Jepun.

Sekian, terima kasih.